



ISTIADAT PEMASYHURAN CANCELOR & MAJLIS KONVOKESYEN KOMEMORATIF KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)

Tanggal 28 Ogos 2003 menyaksikan detik keramat dalam lipatan sejarah KUTKM sejak ditubuhkan pada 1 Disember 2000 dengan terlaksananya Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Majlis Konvokesyen Komemoratif. Yang Dipertua Negeri Melaka ketika itu, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Al-Haj Syed Mahmud Shahabudin diangkat sebagai Canselor KUTKM pertama bagi menghargai ketokohan dan kedudukan beliau selaku pemimpin utama Negeri Melaka.

Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Majlis Konvokesyen Komemoratif Pertama KUTKM diadakan dengan penuh istiadat di Dewan Seri Negeri, Melaka. Majlis itu turut dihadiri Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz Samsuddin yang mewakili Menteri Pendidikan Malaysia, Ketua Menteri Melaka, Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM, Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh Sulong, ahli-ahli Lembaga Pengarah KUTKM, naib-naib canselor serta rektor-rector universiti tempatan yang lain.



Istiadat dimulakan dengan penyerahan cokmar oleh Menteri Pendidikan kepada Rektor KUTKM, Profesor Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani dan disusuli dengan Istiadat Pemasyhuran Canselor Pertama KUTKM di mana watakah pelantikan beliau telah dibacakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan.

Dalam istiadat yang sama, satu majlis konvokesyen komemoratif turut diadakan bagi menghargai dan mengenang jasa serta sumbangan bakti tiga tokoh yang telah banyak menyumbang kepada negara, bangsa dan agama dalam bidang masing-masing. Penerima ijazah kehormat tersebut adalah:

1. Datuk Seri Mohd Ali bin Rustam (Ketua Menteri Melaka): Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan (Pembangunan Belia)
2. Tan Sri Ahmad Zaharuddin Idrus (Bekas Naib Canselor UTM): Ijazah Kehormat Doktor Sains
3. Profesor Ashraf Jawaid (Dekan Fakulti Kejuruteraan, Universiti Coventry): Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan

Sumber Rujukan:

- [1] Momentum KUTKM (2003)
- [2] Istiadat Pemasyhuran Canselor & Majlis Konvokesyen Komemoratif Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (2004)
- [3] Temubual Tenaga Penggerak Utama UTeM

(Bil.4/2020)